

J.P.U. 53

23 NOV
1995



**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING
(MBJB) 1995**

*Licensing of Dogs (Johor Bahru City Council) By-Laws
1995*



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 39
No. 24

23hb November 1995

TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN

J. P.U. 53.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING
(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) 1995

Akta 171. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

Nama. 1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 1995** dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *warta*.

Tafsiran. 2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anjing” ertinya anjing yang telah dijinakkan dengan tidak mengira apa baka atau jantina;

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya Johor Bahru;

“pemunya” berhubungan dalam anjing ertinya orang yang memiliki, menjaga atau mengawal anjing itu, dengan syarat bahawa jika sekiranya merasa ragu tentang keempunyaan seekor anjing, pemunya atau penduduk premis yang sering

didatangi oleh anjing itu atau seseorang yang biasanya memberi makan anjing itu hendaklah disifatkan sebagai pemunya sehingga dibuktikan sebaliknya oleh pemunya, penduduk atau orang itu;

"Pihak Berkuasa Melesen" ertinya Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis untuk mengeluarkan lesen oleh Datuk Bandar;

"Pihak Berkuasa Haiwan" mempunyai pegertian yang diberi kepadanya oleh seksyen 2 Ordinan Haiwan 1953.

3. (1) Tiada seseorang boleh memiliki, menyimpan, melindungi atau menyenggara seseekor anjing yang telah mencapai umur tiga bulan melainkan ianya telah dilesenkan di bawah Undang-Undang kecil ini.

Kehendak
pelesenan.

(2) Sesuatu lesen itu hendaklah tamat tempoh pada 31hb Disember tahun lesen itu dikeluarkan.

4. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang diperuntukkan oleh Majlis dan hendaklah disertakan dengan bayaran untuk lesen sebagaimana Jadual dan disertai dengan Sijil Veterinar yang sah dari Doktor Veterinar yang bertauliah.

Prosedur
pelesenan.

(2) Selepas menerima sesuatu permohonan untuk lesen itu Pihak Berkuasa Melesen hendaklah—

(a) mendaftarkan anjing yang berkenaan dengan menyebabkan suatu catatan dibuat dalam daftar yang disimpan bagi maksud itu mengenai perihal anjing dan nama serta alamat pemunya;

(b) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu lencana logam yang sesuai yang mempunyai nombor siri yang sama dengan nombor pendaftaran anjing itu; dan

(c) mengeluarkan kepada pemunya anjing suatu resit bagi bayaran yang dibayar dan resit tersebut hendaklah mengandungi perihal anjing itu.

5. Jika terdapat pertukaran pemunyaan seseekor anjing yang berlesen, pemunya yang baru hendaklah, dalam tempoh sebulan dari itu memberitahu Pihak Berkuasa Melesen mengenai pertukaran itu dan Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mendaftar nama serta alamat pemunya baru itu dan bayaran sebanyak sepuluh ringgit adalah dikenakan untuk pertukaran tersebut.

Perukaran
pemunyaan
anjing yang
berlesen.

6. Tiada penggantian boleh dikeluarkan bagi lencana logam yang hilang dalam tahun semasa anjing itu dilesenkan, tetapi pemunya anjing berkenaan boleh mendapatkan suatu lesen baru atas permohonan dan pembayaran sebagaimana Jadual.

Kehilangan
lencana logam.

7. Pemunya anjing yang berlesen hendaklah mengadakan kolar anjing yang sesuai untuk dipakai oleh anjing itu, yang padanya lencana logam semasa itu hendaklah dipasang dengan kukuh mengikut

Anjing memakai
lencana logam.

apa-apa cara supaya boleh dilihat apabila dipakai dan kolar dan lencana logam itu hendaklah dipakai oleh anjing yang dilesenkan pada setiap masa sama ada berada di luar atau di dalam rumah kawasan Majlis.

Anjing berlesen yang disyaki mengidap penyakit.

8. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh memerintah pemunya mana-mana anjing berlesen yang disyaki mengidap penyakit supaya membawa anjing tersebut kepada Pegawai Haiwan Majlis berdaftar atau mana-mana Doktor Veterinar berdaftar atau Pegawai Haiwan untuk pemeriksaan dan rawatan. Kegagalan mematuhi perintah ini adalah suatu kesalahan.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau Pegawai Haiwan Majlis berdaftar atau mana-mana Doktor Veterinar berdaftar atau mana-mana Doktor Veterinar berdaftar hendaklah dengan segera melaporkan kepada pihak berkuasa haiwan berkenaan dengan berlakunya apa-apa penyakit yang ditentukan oleh Ordinan Haiwan 1953.

Suntikan mencegah penyakit anjing gila.

9. Semua anjing hendaklah disuntik bagi mencegah penyakit anjing gila (hydrophobia) oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa sesuatu perintah Suntikan Mencegah Anjing Gila dibuat berkenaan dengan mana-mana kawasan yang dijangkiti dengan penyakit anjing gila menurut seksyen 42 Ordinan Haiwan 1953.

Kewajipan pemunya.

10. Pemunya anjing hendaklah—

- (a) menyenggara rumah anjing di mana anjing itu ditempatkan dalam keadaan cuci dan bersih;
- (b) membuang dari premisnya apa-apa bahan najis daripada anjing itu dan berbuat begitu mengikut atau dengan apa-apa cara yang tidak mungkin akan menyebabkan kesalahan atau kesusahan orang-orang lain;
- (c) mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak mengganggu disebabkan salakan yang tidak berhenti-henti atau selainnya kepada jiran-jirannya; dan
- (d) mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak merayau di luar kawasan premis pemunya dan bahawa anjing itu berikat apabila dibawa keluar daripada premis pemunya.

Pembinasaan.

11. (1) Mana-mana anjing yang berumur lebih daripada tiga bulan dijumpai lepas bebas atau dijumpai di tempat awam dengan tidak memakai lencana logam bagi tahun semasa atau mana-mana anjing yang berpenyakit bolehlah dibinasakan oleh mana-mana orang yang diberikuasa bagi maksud ini oleh Majlis dan mana-mana orang yang diberikuasa sedemikian boleh pada bila-bila masa memasuki dan memeriksa mana-mana premis atau tanah bagi maksud membinasakan anjing itu.

(2) Mana-mana anjing, sama ada berlesen atau tidak yang pemunya tidak dapat ditemui, boleh dibinasakan atau dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

12. Tidak seorang dibenarkan memelihara anjing di dalam rumah pangsa, pemunya anjing tidak dibenarkan memelihara anjing melebihi seekor di dalam rumah teres atau rumah link, dua ekor di dalam rumah berkembar dan tidak melebihi empat di dalam rumah banglo kecuali diluluskan oleh Datuk Bandar.

Bilangan anjing yang dibenarkan.

13. (1) Tiada seseorang boleh menggunakan mana-mana bangunan, premis atau pegangan untuk menyimpan anjing untuk pembiakan bagi maksud perdagangan atau sebagai rumah anjing veterinar atau klinik melainkan jika dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Melesen bagi maksud itu.

Perlesenan, tempat-tempat di mana anjing disimpan bagi maksud perdagangan.

(2) Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang diperuntukkan oleh Majlis hendaklah disertakan dengan bayaran untuk lesen sebanyak tiga ratus ringgit setahun.

14. Sesiapa yang melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan kesalahan yang boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penalti.

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING
(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) 1995

JADUAL

(Undang-Undang Kecil 4 dan 6)

<i>Jenis Anjing</i>	<i>Kadar Lesen Setahun</i>
1. Anjing betina yang belum dimandolkan	RM30.00 seekor
2. Anjing betina yang dimandolkan	RM10.00 seekor
3. Anjing jantan	RM10.00 seekor

Diperbuat pada 19hb September 1995.
[K.T. 24/69/8; PUNJ. 105 (UK).]

DATO' HAJI HASHIM BIN YAHAYA,
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru

Disahkan pada 19hb Oktober 1995.
[JMMK. J. Bil. 23 Bhg. 9 ()]

ABDUL MALICK BIN AWANG,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT, 1976
LICENSING OF DOGS (CITY COUNCIL OF JOHOR BAHRU)
BY-LAWS 1995

Act 171. IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976, the City Council Of Johor Bahru makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

Citation. 1. These By-Laws may be cited as the **Licensing of Dogs (City Council Of Johor Bahru) By-Laws 1995** and shall be deemed to have come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation. 2. In these By-Laws unless the context otherwise requires—

“Dog” means a domesticated dog of any breed or sex;

“Council” means the City Council Of Johor Bahru;

“owner” in relation to a dog means the person having possession, custody or control of the dog, but in any case of doubt concerning the ownership of a dog, the owner or occupier of the premises frequented by the dog or the person who habitually feeds the dogs shall be deemed to be its owner until the contrary is proved by such owner, occupier or person;

“Licensing Authority” means the President or any officer authorised in writing to issue licence by the President;

“Veterinary authority” has the meaning assigned to it by Section 2 of the Animals Ordinance, 1953.

Licensing requirement. 3. (1) No person shall own, keep, harbour, or maintain a dog that has reached the age of three months unless it is licensed under these By-Laws.

(2) A license shall expire on the 31st day of December of the year in which it is issued.

Licensing procedure. 4. (1) An application for a licence shall be made in such form as may be provided by the Council and shall be accompanied by a licence fee as in the Schedule and veterinary certificate certified by a recognised veterinary Doctor.

(2) Upon receipt of an application, the Licensing Authority shall—

(a) register the dog concerned by causing an entry to be made in a register kept for the purpose of the description of the dog and the name and address of its owner;

(b) issue to the owner of the dog a licence in the form of a suitable metal badge bearing a serial number corresponding with the registration number of the dog; and

(c) issue to the owner of the dog a receipt for the fee paid, containing a description of the dog.

5. Where there has been a change of ownership of a licensed dog, the new owner shall, within one month thereof, notify the Licensing Authority of the change, and the Licensing Authority shall register the name and address of the new owner and a fee of ten ringgit shall be payable for such transfer.

Change of ownership of licensed dog.

6. No replacement will be issued for a lost metal badge during the currency of the year in respect of which the dog has been licensed, but the owner of the dog concerned may obtain a new license on application and payment of a fee of twenty ringgit.

Lost of metal badge.

7. The owner of a licensed dog shall provide a suitable collar to be worn by the dog, to which the current metal badge shall be securely fastened in such manner as to be visible when worn and such collar and badge shall be worn by such licensed dog at all times whether out of doors or indoors within the Council area.

Dog to wear metal badge.

8. (1) The Licensing Authority may by order direct the owner of any licensed dog suspected to be suffering from diseases to take such dog to the registered Council Veterinary officer or any other registered Veterinary Surgeon or the Veterinary Officer for inspection and treatment. Any failure to comply with the order shall be guilty of an offence.

Licensed dog suspected suffering from disease.

(2) The licensing authority or the registered Council Veterinary Officer or any registered veterinary surgeon shall immediately make a report to the nearest veterinary authority of any disease, occurrence as prescribed by the Animal Ordinance 1953.

9. All dogs shall be immunised against rabies by the veterinary authority whenever an anti rabies vaccination order is made in respect of rabies infected area in pursuant of Section 42 of the Animal Ordinance 1953.

Immunisation against rabies.

10. The owner of a dog shall—

Duties of owner.

- (a) maintain the kennel in which the dog is housed in a clean and sanitary condition;
- (b) rid his premises of any faecal matter discharged by the dog, and do so in such manner or by such means as will not be likely to cause offence or inconvenience to other persons;
- (c) take reasonable steps to ensure that the dog is not nuisance by reason of incessant barking or otherwise to his neighbour; and
- (d) take reasonable steps to ensure that the dog does not stray outside the owner's premises and that the dog is on leash when out of the owner's premises.

11. (1) Any dog over the age of three months found at large or in a public place not wearing the prescribed numbered metal badge for the current year or any diseased dogs may be destroyed by any person authorised in that behalf by the Council and any person so authorised in that behalf may at any time enter and inspect and premises or land for the purpose of destroying such dog.

Destruition.

(2) Any dog, whether licensed or not, the owner of which cannot be found, may be destroyed or disposed as directed by the Licensing Authority.

Number of Dog permitted.

12. (1) Owners of dogs are not allowed to keep a dog in a flat, not more than one in a terrace or link house, two in a semi detached house and not exceeding three in a bungalow house unless approved by the Mayor.

(2) The licensing authority or the registered Council Veterinary officer or any registered veterinary surgeon shall immediately make a report to the nearest veterinary authorised of any disease, occurrence as prescribed by the Animal Ordinance 1953.

Licensing of places where dogs are kept for commercial purposes.

13. (1) No person shall use any building, premises or holding to keep dogs for breeding for commercial purposes or as a veterinary kennel or clinic unless licensed by the Licensing Authority in that behalf.

(2) An application for a licence shall be made in such form as may be provided by the Council and shall be accompanied by a licence fee of three hundred ringgit for a year.

Penalty.

14. Any person who contravenes any of these By-Laws commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding six months or to both such fine and imprisonment.

LICENSING OF DOGS
(CITY COUNCIL OF JOHOR BAHRU)

SCHEDULE
(By-Laws 4 and 6)

Type of Dogs	Rate of Licence Per Annum
1. Female dog which is not sterilised	RM30.00 per head
2. Female dog which is sterilised	RM10.00 per head
3. Male dog	RM10.00 per head

Made this 19th September 1995.
[K.T. 24/69/8: PUNJ. 105 (UK)]

DATO' HAJI HASHIM BIN YAHAYA,
Mayor,
City Council Of Johor Bahru

Confirmed the 19th October 1995.
[JMMK. J. Bil. 23 Blg. 9 ()]

ABDUL MALICK BIN AWANG,
Clerk of the State Executive Council,
Johor